


BAB 13: LAMBAIAN KAABAH

Melontar Jamrah

Melontar jamrah ialah membuat lontaran sebanyak tujuh kali dengan tujuh biji batu satu persatu masuk ke dalam takungan jamrah dengan yakin. Yang berikut adalah syarat-syarat melontar.

1. Melontar dengan menggunakan tangan kanan. Jika tidak berkuasa atau berdaya, maka bolehlah digunakan dengan tangan kiri, kaki, ataupun mulut.
2. Membuat lontaran dengan kaedah merejam, bukannya seperti meletakkan batu ataupun melambung.
3. Melontar dengan mengangkat tangan ke atas paras bahu. ** Mengutip anak batu*
4. Niat melontar jamrah, tidak terpesong kepada tujuan-tujuan lain.
5. Melontar dengan batu ataupun jenis-jenisnya. Tidak sah menggunakan simen, konkrit, atau ketul tar.
6. Pastikan batu lontaran masuk ke dalam takungan jamrah dengan yakin.



Antara hikmat melontar termasuklah mengambil iktibar daripada perbuatan yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim A.S. untuk mengusir syaitan. Melontar juga dapat menghalau sebarang gangguan untuk melakukan kebaikan di samping dapat mengingatkan umat Islam supaya menentang musuh-musuh Islam yang ada di sekeliling kita.

Waktu melontar di Jamrah Aqabah ialah bermula dari tengah malam 10 Zulhijah hingga terbenam matahari pada 13 Zulhijah. Waktu yang paling afdal untuk melontar ialah pada 10 Zulhijah.

Melontar ketiga-tiga jamrah iaitu Jamrah Al-Ula, Jamrah Al-Wusta, dan Jamrah Al-Aqabah pula dilakukan pada hari 11, 12, dan 13 Zulhijah. Terdapat beberapa amalan ketika melontar iaitu:

1. Terdapat tiga jamrah di Mina. Pastikan jemaah melontar di jamrah yang betul dan mengikut turutan yang sepatutnya.
2. Melontar tujuh biji batu satu persatu dan cukup jumlahnya tujuh lontaran.
3. Iringi lontaran dengan takbir dan doa serta selesaikan dengan doa.

Rajah (1) - Suasana tempat melontar



Rajah (2) – Jamrah Al-Wusta



Rajah (3) – Jamrah Al-Kubra

